

Pengamalan Komunikasi Dakwah kepada Orang Asli di Negeri Selangor

The Practice of Dakwah Communication towards Orang Asli in Selangor

Abu Sofi Hasbullah¹, Suhailiza Md. Hamdani² & Eizan Azira Mat Sharif³

¹ *Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Malaysia;*

Article progress

Received: 15 March 2023

Accepted: 24 May 2023

Published: 31 May 2023

*Corresponding author:

Abu Sofi Hasbullah, Fakulti
Kepimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam
Malaysia, Malaysia;

Email: abusofi_95@yahoo.com

Abstrak: Berdakwah kepada Orang Asli bukanlah sesuatu yang baru untuk para pendakwah di Malaysia. Pelbagai cara yang digunakan untuk memastikan ajaran Islam sampai kepada Orang Asli. Terdapat pelbagai cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pendakwah seperti sukar menguasai bahasa Orang Asli dan kelemahan yang ditunjukkan oleh pendakwah itu sendiri. Maka kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti komunikasi dakwah yang digunakan oleh pendakwah kepada Orang Asli dan juga mengenalpasti halangan dan cabaran dakwah komunikasi yang dihadapi oleh pendakwah ketika berdakwah kepada Orang Asli. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Data diperolehi melalui temubual separa struktur dengan melibatkan seramai sembilan orang Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) di Negeri Selangor sebagai peserta kajian. Data disusun dan dikodkan mengikut tema dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan terdapat dua jenis komunikasi dakwah yang digunakan oleh pendakwah iaitu secara lisan dan bukan lisan. Pendekatan dakwah bil-hal mendapat respon yang baik dalam kalangan Orang Asli. Namun begitu, dakwah bil-qalam dan dakwah bil-lisan masih lagi relevan untuk digunakan kepada Orang Asli. Pendakwah lebih gemar gemar menggunakan dakwah bil-hal ketika berdakwah kepada Orang Asli seperti ziarah rumah Orang Asli dan membantu Orang Asli yang dalam kesukaran. Selain itu terdapat juga cabaran dan halangan yang dihadapi oleh para pendakwah seperti disihir oleh Orang Asli ketika berdakwah. Terdapat juga Orang Asli yang menggunakan rumah mereka untuk dijadikan gereja bagi menyebarkan fahaman Kristian kepada penduduk kampung. Namun, dengan adanya pelbagai bentuk metodologi dakwah, ia dilihat mampu melembutkan hati Orang Asli. Oleh itu, usaha dan kemahiran para pendakwah perlu diperkembangkan dari pelbagai aspek bagi memastikan kejayaan misi dakwah.

Kata Kunci: Komunikasi, Dakwah, Penggerak, Orang Asli;

Abstract: Preaching to the Orang Asli is not something new for preachers in Malaysia. Various methods are used to ensure that Islamic teachings reach the Orang Asli. There are various challenges and obstacles faced by the preacher such as the difficulty in mastering the Orang Asli language and the weaknesses shown by the preacher himself. This study was carried out to identify the preaching communication used by the preacher to Orang Asli, and to identify the obstacles and challenges faced by the preachers when preaching to Orang Asli. This qualitative study uses a case study design. Data was obtained through semi-structured interviews involving a total of nine Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) in the State of Selangor as study participants. Data were organized and coded according to themes and analyzed descriptively. The results of the study show that there are two types of preaching communication used by preachers, namely verbal and non-

verbal. Dakwah bil hal approach received a good response among the Orang Asli. Nevertheless, dakwah bill qolam and dakwah bil lisan are still relevant to be used for Orang Asli. Preachers prefer to use dakwah bil hal when preaching to Orang Asli, such as visiting Orang Asli homes and helping Orang Asli who are in difficulty. In addition, there are also challenges and obstacles faced by the preachers such as being bewitched by Orang Asli when preaching. Besides, there are Orang Asli that use their houses as churches to spread Christianity to the villagers. However, the various forms of preaching methodology are believed to be capable in softening the hearts of the Orang Asli. Therefore, the efforts and skills of preachers need to be streamlined from various aspects to ensure the success of the preaching mission.

Keywords: Communication, Da'wah, Preacher, Orang Asli;

Pengenalan (TNR 12)

Dalam konteks dakwah yang berkesan, komunikasi yang baik dengan sasaran dakwah dapat menghasilkan mesej dakwah yang sempurna. Menurut Kustadi (2013) pendakwah boleh menggunakan medium komunikasi yang sesuai untuk mengajak sasaran dakwah agar memahami, menerima dan menganut ajaran Islam untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Menurut Muhammad Sholikin (2013) istilah dakwah yang menggambarkan kerangka proses komunikasi ialah *tabligh* (penyampaian ajaran Islam). Ia melibatkan sesuatu proses penyampaian mesej dan risalah keagamaan melalui metodologi tertentu dengan menggunakan media tertentu kepada kumpulan sasaran sehingga mereka dapat menerima, memahami dan mengemukakan maklum balas terhadap mesej yang disampaikan sama ada secara lisan atau bukan lisan. Namun begitu usaha untuk membawa Orang Asli mengikut arus perdana sering kali mengheret mereka yang terlibat dengan pelbagai bentuk masalah yang tiada kesudahannya. Masalah demi masalah timbul sehingga boleh mengancam hidup penggerak. Menurut Amir Zal (2013) dalam ketidakpastian penyelesaian masalah, Orang Asli terpaksa berhadapan pula dengan masalah perubahan iklim dan perubahan modal insan tradisi ke dalam bentuk yang baru sehingga boleh mengakis identiti dan mengancam kelangsungan kehidupan mereka. Oleh itu kebanyakan faktor yang menyebabkan kegagalan pendakwah untuk berdakwah kepada Orang Asli datangnya daripada ketamakan pihak luar di atas hasil hutan yang dimiliki oleh Orang Asli, dan kedegilan Orang Asli untuk menerima sesuatu yang baru di dalam diri mereka.

Latar Belakang Masalah

Masyarakat Orang Asli pada hari ini adalah antara masyarakat yang banyak diberikan tumpuan oleh rakyat

Malaysia khususnya dari segi kebajikan dan pembelajaran. Oleh yang demikian, banyak NGO mula menyalurkan bantuan keperluan harian kepada Orang Asli di samping mula mengajak dan memperbaiki kefahaman Islam menjadi lebih baik dan lebih mendalam. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2014) menyatakan bahawa kehidupan masyarakat Orang Asli yang jauh ketinggalan dalam semua bidang memerlukan mereka dibantu dan diberi perhatian serius serta meningkatkan taraf hidup dan memperkenalkan ajaran Islam dalam kalangan mereka. Bangsa ini bukan sahaja memerlukan bimbingan secara langsung tetapi selama ini bangsa ini yang berkembang lebih lama daripada bangsa Melayu memerhati dan menilai orang Melayu dengan imej Islamnya. Namun begitu mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar (2018) bilangan Orang Asli yang memeluk Islam (35,975) adalah lebih rendah berbanding Orang Asli yang memeluk agama Animism (58,043) dan mereka yang tiada agama atau atheist (42,757). Pada keseluruhannya, bilangan Orang Asli yang memeluk Islam adalah di dalam tahap yang membimbangkan.

Berdasarkan pengalaman pengkaji sendiri, kajian ini perlu dipertengahan kerana ketika menjalankan sesi temubual terdahulu untuk mengumpul data tentang pantang larang dan adat Orang Asli, didapati beberapa responden memberi pendapat tentang pendakwah yang tidak membantu dalam hal ehwal Islam Orang Asli di kampungnya. Perkara ini juga disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Asmadi Abdul Rahman dan Ramlan Mustapha (2020) di mana terdapat masalah dalaman yang dialami oleh pendakwah yang dibahagikan dua bahagian. Yang pertama kurang komitmen dalam menjalankan dakwah kepada Orang Asli. Terdapat sebahagian pendakwah yang digelar sebagai penggerak masyarakat Orang Asli (PMOA) jarang masuk ke Kampung Orang Asli. Ini mungkin disebabkan mereka bukan suka berdakwah tetapi sekadar untuk mendapatkan

gaji untuk menampung keperluan harian semata. Maka banyak surau yang terbiar sehingga menyebabkan berlakunya kerosakan yang teruk. Kedua, tingkahlaku pendakwah yang agak tidak menunjukkan sikap sebagai pendakwah. Ketika menjalankan aktiviti dakwah di sebuah kampung ada segelintir pendakwah tidak terlibat sepenuhnya ketika program berlangsung dan hanya hadir di hujung program. Menurut Ahmad Redzuan (2006), ada juga pendakwah yang merokok di khalayak umum dan ada juga yang tidak solat berjemaah bersama penduduk Orang Asli. Kajian berkenaan masalah pendakwah ini telah dilakukan oleh Ahmed Redzuan Mohd Yunus (2006). Keadaan yang sama juga masih berlaku sehingga kini walaupun tidak seperti tahun 2006.

Selain daripada kelemahan yang ditunjukkan oleh pendakwah, terdapat juga wujud masalah di antara pendakwah dan Orang Asli. Masalah yang sangat ketara adalah masalah bahasa atau isu komunikasi. Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Orang Asli di Malaysia mempunyai 3 suku kaum yang utama iaitu: 1) Negrito 2) Senoi dan 3) Melayu Proto. Setiap Suku Kaum mempunyai pecahan sehingga 18 jenis suku kaum. Setiap suku Kaum mempunyai bahasa Orang Asli yang berbeza. Menurut Ramlan Mustapa (2020) golongan muda Orang Asli mudah faham tentang Bahasa Melayu namun bagi golongan tua mereka susah untuk berbahasa Melayu dengan baik. Kebanyakan Orang Asli yang berusia, mereka lebih gemar berbahasa Orang Asli kerana mereka menggunakan bahasa Orang Asli sebagai komunikasi harian mereka. Perkara ini juga ada dinyatakan dalam kajian Nur Damia Husna dan Zulkifli Aini (2017) di mana wujud segelintir pendakwah yang menggunakan Bahasa Inggeris seperti pluralisme, vandalisme dan sekularisme yang dilihat tidak sesuai kerana menyebabkan kesukaran dalam kalangan masyarakat Orang Asli untuk memahaminya. Kajian ini selari dengan kajian Abdul Razaq & Zalizan (2009) yang turut mendapati bahawa kaedah menggunakan perkataan yang sukar difahami terhadap Orang Asli tidak sesuai memandangkan daya pemikiran mereka yang masih berada di tahap yang lemah.

Pada masa kini, pertubuhan dakwah sama ada badan kerajaan mahupun bukan kerajaan banyak yang memberi sumbangan kepada masyarakat Orang Asli. Antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan seumpamanya yang menjadikan masyarakat Orang Asli sebagai sasaran dalam agenda dakwah mereka. Pertubuhan-pertubuhan tersebut telah merancang dan mengadakan pelbagai program bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan dalam aspek agama, sosial dan ekonomi. Namun begitu penghayatan

Orang Asli terhadap Islam masih ditahap yang membimbangkan dan menurut Abdul Ghafar (2014) antara masalah utama golongan Orang Asli adalah dari sudut kepercayaan dan ibadah. Masih wujud kepercayaan animism dan supernatural seperti kepercayaan kepada roh sungai dan hutan. Terdapat juga Orang Asli yang lebih suka missionari Kristian berbanding pendakwah Islam. Menurut Asmadi Abdul Rahman (2020) kebanyakan Orang Asli yang miskin begitu mudah diperdaya dan terpengaruh dengan unsur-unsur material yang disediakan oleh pihak missionari Kristian dan Orang Asli juga dihasut supaya tidak menyertai mana-mana aktiviti yang dianjurkan oleh pihak pendakwah. Dengan kajian-kajian yang lepas, penulis mendapati kaedah dan teori dakwah yang digunakan oleh pihak pendakwah seperti tidak relevan dan tidak berkesan kepada Orang Asli. Apabila agama-agama lain mula mendahului pendakwah Islam dalam membantu Orang Asli, secara tidak langsung ia memberi peluang untuk Orang Asli lebih menyukai agama lain khususnya Kristian.

Berdasarkan permasalahan ini, penulis berpendapat bahawa pendakwah perlu memiliki sejumlah kemahiran tertentu bagi menyempurnakan usaha dakwah yang dilakukan kepada masyarakat Orang Asli. Antara kemahiran yang diperlukan oleh pendakwah ialah kemahiran berkomunikasi. Fokus utama kajian ini ialah kemahiran pendakwah memilih bentuk komunikasi yang sesuai sebelum memulakan proses komunikasi dengan masyarakat Orang Asli.

Objektif Kajian

Terdapat 2 objektif dalam kajian ini:-

- i) Mengenalpasti komunikasi dakwah yang digunakan oleh pendakwah kepada Orang Asli
- ii) Mengenalpasti halangan dan cabaran dakwah komunikasi yang dihadapi oleh pendakwah ketika berdakwah kepada Orang Asli

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan bentuk kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Kaedah temubual mendalam dalam bentuk temubual separa struktur digunakan bagi mengumpulkan data kajian. Temubual dilakukan terhadap sembilan orang penggerak yang aktif berdakwah kepada Orang Asli di Negeri Selangor. Mereka adalah Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) yang mendapat lantikan dari pihak JAKIM. Dalam kajian ini sampel dipilih secara bersasar dan ditandakan dengan simbol Informan (Pemberi Maklumat), iaitu Informan 1, Informan 2, Informan 3, Informan 4, Informan 5, Informan 6, Informan 7 dan Informan 8. Antara kriteria pemilihan sampel kajian ialah mereka yang dilantik secara rasmi

sebagai Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) di bawah JAKIM di Negeri Selangor. Proses penganalisan data dilakukan dengan menyusun dapatan kajian yang disesuaikan dengan tema dan sub tema yang telah dibina bagi setiap soalan bagi menjawab objektif kajian.

Hasil Kajian Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan pendakwah yang terdiri daripada Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) telah menggunakan bentuk komunikasi secara lisan dan bukan lisan ketika berdakwah kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. Di dalam penggunaan komunikasi dakwah terhadap Orang Asli hasil kajian menunjukkan penggerak lebih banyak menggunakan *dakwah bil-hal* berbanding *dakwah bil-lisan* dan *dakwah bil-qalam*. *Dakwah bil hal* adalah dakwah komunikasi yang berbentuk bukan lisan.

Dalam membentuk komunikasi dakwah yang betul terhadap Orang Asli, penggerak juga telah mendapat pelbagai ancaman sama ada daripada ancaman dalaman iaitu daripada Orang Asli atau ancaman luaran iaitu ancaman daripada masyarakat luar. Terdapat juga ancaman-ancaman yang berbahaya sehingga boleh menggugat kehidupan penggerak antaranya pernah disihir, diancam bunuh dan sebagainya.

Dakwah Bil-hal

Hasil kajian menunjukkan Informan 1 hingga Informan 9 bersetuju bahawa *dakwah bil-hal* adalah kaedah dakwah yang sesuai kepada masyarakat Orang Asli kerana penerimaan *dakwah bil-hal* diterima dengan pelbagai bentuk oleh Orang Asli. Mengikut Samsul Munir Amin (2009) *dakwah bil-hal* hal untuk seorang pendakwah mereka perlu membangunkan infrastruktur di sesuatu kawasan seperti memenuhi keperluan sekeliling komuniti orang yang di dakwahkan atau mad'u. Dan dari hasil kajian oleh Informan 1 hingga 9 banyak kemudahan yang telah dibina untuk membina hubungan yang baik bersama Orang Asli. Sebagai contoh informan 8 membantu membina surau untuk kegunaan kelas agama dan solat fardhu untuk Orang Asli yang beragama Islam.

Di antara aktiviti *dakwah bil-hal* yang digunakan oleh Informan 1 sehingga 9 adalah ziarah menziarahi rumah Orang Asli. Menurut Informan 6 sudah menjadi kebiasaan untuk setiap penggerak untuk melakukan aktiviti ziarah ke rumah Orang Asli di dalam kampung seliaan mereka. Dengan aktiviti menziarahi kita boleh mendekati sasaran dakwah dengan lebih dekat. Ini kerana Orang Asli mempunyai sifat sentiasa ingat apa orang lain lakukan terhadap mereka. Di samping itu, dengan aktiviti ziarah ini, mampu membuatkan Orang Asli lebih mesra bersama kita. Kita juga boleh mulakan dengan bertanya khabar dan

bercerita jauh mengenai Islam demi untuk membina hubungan sesama manusia. Orang Asli selalu berfikir orang luar akan jijik jika duduk sebelah mereka maka kesempatan yang ada bolehlah dimanfaatkan untuk lebih rapat dan mesra dengan mereka seperti yang dinyatakan oleh informan 4:-

Ketika menziarahi mereka kita kena mesra dulu baru kita boleh masuk slow slow dengan mereka. Itu kaedah yang ustazah biasa guna. Contohnya, kalau pergi jumpa mereka untuk bersembang buat kali pertama mereka akan buat tak tahu sahaja, jadi ustazah kena mulakan mesra itu dahulu dengan tanya khabar ke dengan pegang mereka. Memang kena pegang kalau tidak pegang mereka akan rasa kita rasa mereka ini jijik jadinya mereka tidak mahu dekat dengan kita. Sebabnya ustazah adalah mulakan dengan tegur sahaja tapi dia jawab sepatah sahaja. Kemudian, keesokan harinya bila ustazah sentuh dia tanya sihat baru dia mesra. Pastu kalau jumpa lagi dia pula yang akan tegur kita. Jadi dekat situlah adanya feedback. Itupun dulu ustazah buat camni sebab kita reka sendiri. Ustazah pelik kenapa bila tanya mereka taknak jawab, tapi bila sentuh mereka baru ok dan lebih mesra.

Di dalam aktiviti menziarahi Orang Asli penggerak juga sedaya upaya membantu mereka dalam hal-hal harian mereka. Contohnya penggerak membantu Orang Asli dalam urusan dokumentasi Orang Asli seperti membuat kad pengenalan, urusan mahkamah termasuk urusan perkahwinan. Menurut Zikmal Fuad (2014) aspek *dakwah bil-hal* menumpukan pada pelbagai bentuk kegiatan dakwah melalui pendidikan, politik dan kepemimpinan dan hubungan masyarakat. Menurut Samsul Munir Amin (2009) *dakwah bil hal* sebagai pendakwah dengan mengembangkan infrastruktur sebagai contoh pembinaan hospital untuk keperluan masyarakat sekitar yang memerlukan rawatan di hospital. Menurut Informan 2 dan 9 mereka akan cuba membantu Orang Asli untuk meringankan beban mereka. Kebanyakan Orang Asli tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi dan disebabkan itu ramai mereka yang buta huruf dan tidak boleh membaca dengan baik. Oleh itu penggerak akan cuba membantu dengan membawa mereka ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dalam urusan kad pengenalan. Namun begitu menurut Informan 2, beliau akan membantu kepada Orang Asli yang tidak mempunyai kemampuan diri untuk menguruskan dokumentasi mereka dan kepada yang mampu beliau akan menyarankan untuk pergi sendiri.

Selain daripada aktiviti ziarah menziarahi, aktiviti gotong royong juga adalah satu pendekatan yang sesuai untuk Orang Asli. Ianya juga boleh melibatkan mereka yang tidak beragama Islam untuk turut serta dalam aktiviti

bergotong royong. Menurut informan 4, apabila aktiviti gotong royong dijalankan maka akan ada juga aktiviti memasak yang sesuai untuk golongan wanita dalam kalangan Orang Asli. Aktiviti gotong royong bukan sahaja dijalankan untuk membersihkan kampung namun ada juga aktiviti bergotong royong memasak pada majlis-majlis tertentu seperti majlis perayaan dan sebagainya. Dengan cara ini, mudah untuk penggerak mendekati sasaran dakwah yang terdiri daripada kalangan wanita Orang Asli. Perkara ini juga dipersetujui oleh informan 3 kerana aktiviti memasak adalah aktiviti yang penting di dalam kampung Orang Asli. Namun batas antara Islam dan bukan Islam juga perlu diambil kira kerana terdapat juga makanan yang tidak halal dihidangkan untuk santapan penduduk kampung yang tidak beragama Islam. Jika berlaku seperti ini informan 3 akan cuba menjauhinya untuk mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Selain daripada aktiviti-aktiviti yang perlu melibatkan dua pihak di antara penggerak dan penduduk Orang Asli, aspek kerohanian dalam pembentukan ajaran Islam di dalam diri Orang Asli perlu juga dititik beratkan. Oleh itu, untuk memastikan ajaran Islam terus berkembang di dalam kampung Orang Asli, Informan 8 telah membantu penduduk Orang Asli di bawah seliaannya dengan membina sebuah surau. Dengan pembinaan surau tersebut, diharap penghayatan Islam di dalam diri mereka terus bertambah dan dapat melahirkan generasi masyarakat Orang Asli yang faham gaya hidup Islam. Perkara tersebut telah dinyatakan oleh informan 8:

Kalau diikutkan dari segi Tongkah, suraunya tu akan dirobhkan disebabkan Orang Asli dia tak ada geran tanah ke apa tak ada, so kita buat kita bincang dengan dia, tok kami nak buat surau ni tapi dari segi status tanah tak berapa clear, boleh tak kalau kita bincang tentang tanah ni, tok serahkan kepada kita, kita buat surau, dia kata itu yang saya nak tanya sepatutnya tu pada ustaz. Awal-awal ustaz nak bina ustaz kena confirmkan tanah tu clear. Kita dah risau dah kenapa dah dengan nada dia tinggi ni, dia orang besar sikit kan. Kenapa tok? Dia cakap kalau apa-apa nak buat ustaz kena bagi jelas dulu sebab saya tak nak lepas saya tak ada, anak cucu saya keturunan saya akan menafikan kewujudan surau ini. Dia kata sebabnya dia hidup dia cakap mulut boleh, saya bagi ustazlah ustaz nak buat surau buatlah. Tapi mungkin datang nanti anak cucu dia nanti dia kata tok saya tak bagi ni, so dia sendiri yang, ustaz sendiri sediakanlah satu surat ke apa kita sign sama-sama, ustaz, saya bag ikat ustaz, ustaz terima bagi pihak sekian-sekian, ustaz uruskanlah surau tu dengan sebaiknya. Alhamdulillah setakat ni tak ada isu, kita dari segi dokumentasi apa semua Alhamdulillah lengkap dah untuk surau tu.

Sebenarnya Tg. Sepat ada surau dirobhkan. (disebabkan?) tok batin nya lah, yang sana agak kuat sikit yang ni Tanjung Sepat. Tanjung Sepat, tok batin nya ni agak kuat sikit lah Kristian nya, so sebab pengerusi MPKK nya pun agak kuat jugak. Tu yang dia agak kontra sikit dengan Tongkah ni.

Dakwah Bil-qalam

Di dalam perkembangan media sosial yang semakin berkembang terdapat banyak platform yang menyediakan aplikasi yang sesuai untuk dijadikan sebagai pengantara untuk berkomunikasi. Antara aplikasi yang sangat popular di Malaysia adalah *WhatsApp*, *Facebook*, *Instagram* dan banyak lagi. Orang Asli juga tidak ketinggalan dalam penggunaan gajet-gajet yang semakin berkembang dan boleh menerima perkembangan teknologi hari ini.

Menurut Noradilah Abdul Wahab (2019), ledakan teknologi komunikasi terutamanya dalam media sosial pada hari ini telah menjadi fenomena baru dalam kalangan masyarakat dunia. Bahkan, penggunaan media sosial telah menjadi aktiviti yang sangat popular dengan penggunaan alatan teknologi moden. Justeru, para pendakwah juga perlu seiring dengan perubahan yang berlaku supaya tidak jauh ketinggalan. Wasilah dakwah dalam Islam juga tidak hanya tertumpu kepada satu cara yang khusus sahaja. Oleh itu, kajian ini untuk melihat peranan media sosial sebagai medium dakwah sesuai dengan keperluan zaman

Di atas kemajuan teknologi dan penggunaan gajet yang semakin meluas, Informan 1 sehingga 9 telah menggunakan aplikasi *WhatsApp* sebagai satu medium untuk menyebarkan kebaikan kepada Orang Asli. Sebagai contoh, di dalam aplikasi *WhatsApp* terdapat satu fungsi yang mampu untuk mewujudkan kumpulan yang boleh digunakan oleh orang untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Perkara ini telah digunakan oleh Informan 5, 2, 8, 4, 9 dan 3 untuk berkongsi informasi yang baik untuk dibaca oleh Orang Asli. Di dalam kumpulan *WhatsApp* tersebut penggerak mampu untuk berkongsi tentang aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan di dalam kampung. Namun begitu sambutanannya kurang menggalakkan sehingga mendapat kecaman oleh Orang Asli supaya menghentikan menghantar mesej yang berbentuk keagamaan.

Menurut Informan 8, tidak semua Orang Asli boleh menguasai teknologi masa kini dengan baik. Perkara tersebut sangat tidak bersesuaian kepada golongan Orang Asli yang berumur dalam lingkungan 60-70 tahun kerana mereka menganggap gajet adalah perkara yang baru dan sukar untuk digunakan dalam kehidupan harian mereka. Penggunaan gajet sangat bersesuaian kepada golongan remaja kerana apabila mereka keluar dari kampung

kebanyakan mereka sudah didedahkan tentang kepentingan dan penggunaan gajet untuk diri mereka sendiri.

Dakwah Bil-lisan

Di dalam kemajuan Malaysia hari ini, manusia tidak terlepas dari proses komunikasi. Komunikasi ialah suatu hal yang pasti diamalkan oleh setiap individu. Ada banyak sekali bentuk komunikasi yang ada, salah satunya iaitu komunikasi dakwah. Komunikasi dakwah merupakan semua bentuk komunikasi yang berkaitan dengan menyeru ke jalan Allah SWT atau bentuk mengajak berbuat baik dan meninggalkan keburukan. Komunikasi dakwah dilakukan untuk mencapai suatu tujuan, iaitu mengajak manusia kepada *amar ma'ruf nahi munkar* agar tujuan komunikasi dakwah yang diinginkan dapat dicapai.

Untuk penggunaan kaedah *dakwah bil lisan* kepada Orang Asli pendakwah amat perlu melakukan sedikit penelitian dan kajian untuk memastikan dakwah yang ingin disampaikan boleh diterima oleh masyarakat Orang Asli. Oleh itu menurut Informan 5 dan 9 penggunaan bahasa yang lembut dan mudah untuk difahami oleh sasaran dakwah adalah amat penting. Kita sedia maklum bahawa Orang Asli mempunyai bahasa mereka yang tersendiri dan ada juga yang tidak menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Untuk melaksanakan komunikasi dakwah bahasa yang lembut sangat perlu digunakan kerana Orang Asli mempunyai sifat mudah terasa dan jika mereka tidak suka atau tersinggung kepada penyampaian kita. Mungkin itu akan menjadi kali terakhir kita berkomunikasi padanya.

Penggunaan bahasa juga amat penting kerana ketika pendakwah berkomunikasi kepada Orang Asli dengan menggunakan bahasa Orang Asli mereka menganggap kita menghargai budaya dan bahasa mereka. Pendakwah hanya perlu menggunakan beberapa sahaja bahasa Orang Asli untuk menarik perhatian mereka seperti yang diguna pakai oleh Informan 2:

Mula kita guna bahasa melayu dan kalau tak faham juga saya akan guna bahasa Orang Asli seperti "faham tak?" saya akan guna "faham yap". Kalau tak faham melayu saya akan ajar dalam bahasa Orang Asli.

Untuk menarik Orang Asli dengan ajaran Islam penggunaan bahasa mereka antara perkara yang amat penting untuk mendekati mereka. Sebagai contoh Informan 4 telah menjemput penceramah di dalam kalangan Orang Asli. Perkara tersebut telah menarik minat Orang Asli untuk hadir ke majlis tersebut dan mereka boleh menerima penceramah tersebut hanya kerana menggunakan bahasa Orang Asli ketika menyampaikan ceramahnyanya.

Selain daripada menggunakan bahasa Orang Asli, pendakwah perlu untuk lebih berhemah ketika berbicara bersama Orang Asli kerana mereka sangat sensitif jika ada sesuatu perkara yang menyinggung perasaan mereka. Mereka akan menganggap kita menghina dan mengejek mereka. Dalam surah Al-Nahl ayat 125 Allah SWT telah mengingatkan dalam firman yang bermaksud: "Serulah (semua manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik (bijaksana) dan bantahlah mereka dengan cara yang baik". Dalam usaha dakwah amat perlu untuk kita berbicara secara hikmah untuk memastikan sasaran dakwah dapat menerima apa yang ingin disampaikan seperti yang dimaksudkan oleh Informan 7 di mana setiap perkataan perlu disusun atur untuk mengelakkan Orang Asli terasa hati.

Cabaran Dan Halangan Melaksanakan Komunikasi Dakwah

Menurut Halim Mokhtar (2002) majoriti Orang Asli masih lagi menganut agama animisme atau agama yang dianuti turun menurun dari nenek moyang mereka. Hanya sekitar 8% yang menerima dakwah dan menjadi penganut agama Islam. Keadaan ini menunjukkan bahawa perkembangan penganut agama Islam belum di tahap yang memuaskan. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan Orang Asli sukar untuk menerima ajaran Islam.

Antara faktor yang menyebabkan Orang Asli belum bersedia menerima Islam adalah disebabkan oleh perkembangan agama Kristian di dalam kampung Orang Asli. Terdapat banyak aktiviti gerakan Kristian yang dilakukan sehingga mampu untuk mengaburi mata penggerak. Antaranya pihak Kristian akan menyebarkan ajaran mereka dengan menggunakan rumah Orang Asli sebagai "gereja". Menurut Informan 4, 5, 6, 8 dan 9, Orang Asli yang beragama Kristian akan menggunakan rumah mereka sebagai tempat berkumpulnya Orang Asli yang menganut ajaran Kristian. Tujuan mereka menggunakan rumah Orang Asli berbanding membina rumah ibadat tersendiri adalah untuk mengelak daripada diketahui oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA). Penggerak tidak dibenarkan untuk menghalang aktiviti mereka kerana ia dilakukan di atas tanah hak milik Orang Asli. Menurut Informan 6: -

Masa di kampung lama, ada orang kristian sekali dengan gereja dan gereja tu bersambung dengan rumah. Bila pejabat agama nak pergi buat tindakan dia kata ini rumah saya. Bila dia kata begitu, kita tiada hak untuk merobohkan. Majlis pun tiada hak untuk merobohkan rumah kecuali gereja itu ditinggalkan dari rumah. Tapi dia declare gereja itu di depan rumah dia.

Selain mendapat ancaman daripada pihak Kristian, penggerak juga menghadapi masalah yang ditimbulkan oleh masyarakat luar. Antaranya adalah sikap yang negatif ditunjukkan oleh orang Melayu. Apabila sikap yang buruk ditunjukkan oleh orang Melayu kepada Orang Asli, ianya memberi gambaran yang buruk tentang Islam kerana kita sedia maklum di Malaysia semua orang Melayu adalah beragama Islam dan sikap buruk yang ditunjukkan menyebabkan Orang Asli memandang serong tentang Islam. Islam atau tidak sama sahaja. Menurut Informan 2 dan 5, orang Melayu (lelaki) ada yang berkahwin bersama Orang Asli (perempuan) namun tidak mendorong isterinya untuk mendalami Islam malah si suami tidak bekerja dan disara oleh isterinya. Ini memberi gambaran yang buruk terhadap masyarakat Melayu dan agama Islam. Sepatutnya sebagai bangsa Melayu dan berkahwin bersama Orang Asli, mereka memberi contoh yang baik dan membawa pasangannya ke arah kehidupan Islam yang sempurna bukan mengambil kesempatan di atas kelebihan yang ada pada Orang Asli.

Menurut Informan 8, antara kesukaran Orang Asli untuk menerima Islam kerana mereka menggambarkan kehidupan mereka sebelum dan sesudah Islam sama sahaja. Ianya hanya kerana orang Melayu masuk ke dalam kampung Orang Asli untuk merosakkan anak gadis Orang Asli, sertai majlis-majlis joget malahan ada yang minum arak dan mabuk bersama anak-anak Orang Asli. Ini sebenarnya memberi tamparan yang hebat kepada penggerak kerana kebanyakan penggerak di Selangor berbangsa Melayu.

Selain daripada itu, masalah yang sukar untuk diselesaikan adalah masalah bersekedudukan dalam kalangan Orang Asli. Bersekedudukan bermaksud berdua-duaan pasangan lelaki dan perempuan yang belum berkahwin. Perkara ini menjadi sukar jika ianya melibatkan Orang Asli bukan Islam kerana penggerak tidak boleh masuk campur kerana segala keputusan akan ditentukan oleh Tok Batin di setiap kampung. Namun jika salah satu pasangan tersebut beragama Islam kebiasaannya penggerak akan meminta yang bukan Islam untuk memeluk Islam dan berkahwin sesama mereka. Menurut Informan 6 masalah sekedudukan berpunca daripada tahap pengetahuan yang rendah tentang Islam. Jika mereka memahami konsep dosa dan pahala mana mungkin mereka akan terjebak di dalam perbuatan yang jijik tersebut.

Selain itu, kesukaran untuk Orang Asli memeluk Islam apabila mereka sendiri menolak apa yang Islam ingin sampaikan. Mungkin penggerak telah sedaya upaya untuk berdakwah kepada Orang Asli sehingga boleh meragut nyawa sendiri. Perkara ini telah dialami oleh Informan 6 apabila beliau telah disihir dan disantau oleh penduduk Orang Asli. Beliau tidak tahu pelakunya namun tindakan tersebut tidak mematahkan semangat beliau

untuk terus berdakwah kepada Orang Asli. Sebagaimana diketahui, Orang Asli masih ada yang berpegang teguh dengan ajaran nenek moyang mereka dan ada yang masih menggunakan pertolongan “makhluk halus” untuk membantu keperluan mereka.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bentuk komunikasi dakwah kepada Orang Asli terbahagi kepada dua iaitu secara lisan dan bukan lisan. Pendekatan bukan lisan seperti *dakwah bil hal* merupakan komunikasi dakwah yang banyak diimplementasikan dan mendapat respon yang baik. Namun begitu, *dakwah bil kalam* dan *dakwah bil lisan* masih lagi relevan untuk digunakan kepada Orang Asli. Setiap kaedah komunikasi mempunyai peranan dan pengaruh terhadap Orang Asli. Pendakwah perlu lebih proaktif dan kreatif menggunakan pelbagai kemahiran komunikasi dakwah yang sesuai untuk sasaran dakwah mereka. Walau bagaimanapun, pendakwah perlu untuk bersedia dari sudut fizikal dan mental kerana untuk berdakwah kepada Orang Asli bukanlah sesuatu yang mudah. Perlu diyakini dengan adanya pelbagai bentuk metodologi dakwah mampu melembutkan hati sasaran dakwah. Oleh itu, usaha dan kemahiran para pendakwah perlu diperkembangkan dari pelbagai aspek bagi memastikan kejayaan misi dakwah.

Rujukan

- Abdullah Ahmad Zin. (2009). *Dakwah Islam Di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Don. (2014). Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario dan Realiti Kefahaman dan Penghayatan Islam. Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas. (2009). *Kesedaran pendidikan dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli: perspektif pendidikan dan sosiobudaya*. Penerbit UKM.
- Ahmad Redzuan bin Mohd Yunus, Ab. Aziz Mohd Zain. (2006). Dakwah masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang: Masalah pendakwah. *Islamiyyat*, 28, 45-68.
- Asmadi Abdul Rahman dan Ramlan Mustapha. (2020). Cabaran Pelaksanaan Dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. *Islamiyyat*, 59-67.
- Noradilah Abdul Wahab, Najmi Muhamad. Mohd Sani Ismail (2019) *Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Masa Kini*. Universiti Islam Sultan Zainal Abidin

Nur Damia Husna dan Zulkefli Aini. (2017). Bahasa Da'I dalam komunikasi Dakwah kepada Masyarakat Orang Asli. *Al-Hikmah* 9(1), 110-127.

Padzal bin Hj. Mokhtar (1997). *Dakwah Di kalangan Masyarakat Orang Asli Negeri Terengganu*. UKM.

Samsul Munir Amin. (2009). Ilmu Dakwah, M. A. Amzah, Jakarta.

Syed Abdurrahman Syed Hussin. (2010). Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan. *Jurnal Usuluddin*. September, 155-179.

Wan Ahmad Amir Zal. (2013). Pembentukan Modal Insan Orang Asli Darat dan Laut di Malaysia. *Journal of Society and Space*, 1-14.

Zikmal Fuad. (2014) *Pembangunan Dakwah Semasa*. UKM.

Zulkefli Bin Aini & S. Salahudin Suyurno. (2016). *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Zulkifli Aini dan Abdul Ghafar Don. (2018). Pengamalan Bentuk-Bentuk Komunikasi Dakwah Pendakwah Orang Asli. *Al-'Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 13, 103-116.